

13 AUG 2001

MAHATHIR-SNNI

MAHATHIR AKAN LANCAR SNNI DI KAMPALA SABTU INI

Oleh: Mikhail Raj Abdullah

KUALA LUMPUR, 13 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan melancarkan Rangkaian Berita Pintar Antarabangsa (SNNi), satu program pertukaran berita bagi mengatasi laporan tidak tepat di negara-negara membangun, di Kampala, Uganda, Sabtu ini.

Ia akan dilancarkan secara bersama dengan Presiden Uganda, Yoweri Kaguta Museveni, bersempena Dialog Antarabangsa Afrika Selatan Global 2001 (SAID) yang akan berlangsung selama empat hari di Speke Resort, sebuah bandar berhampiran Tasik Victoria, kira-kira 15 km dari ibu negara Uganda.

Dialog itu akan bermula Khamis ini.

Tan Sri Dr Omar Abdul Rahman, yang merupakan wakil khas Perdana Menteri ke Perkongsian Komanwel Bagi Pengurusan Teknologi, penganjur bagi SAID, berkata SNNi "akan menyebarkan berita-berita yang seimbang dan tepat."

Beliau berkata perkhidmatan berita asing yang dikuasai oleh pengamal media Barat kerap kali mengeluarkan berita-berita tidak tepat yang mengenai negara-negara membangun.

Atas sebab demikian SNNi perlu ditubuhkan bagi menawarkan pandangan yang berbeza mengenai isu-isu kontemporari yang berkaitan dengan Dunia Ketiga, katanya kepada sidang media di sini hari ini.

Pada masa yang sama, SNNi juga akan mengwujudkan persefahaman yang lebih baik dan erat di kalangan rakyat dan negara-negara membangun yang menyertainya serta berkemungkinan akan mengembangkan kepada Agensi Berita Selatan bagi menyaingi agensi-agensi berita yang lain.

Organisasi media dari tujuh negara Afrika dan empat dari Malaysia -- BERNAMA, Pertubuhan Berita Nasional Malaysia, The New Straits Times, The Star dan Utusan Malaysia -- merupakan anggota awal yang menyertai SNNi.

Para peserta Afrika termasuk Daily News dari Botswana, Mozambique News Agency, Namibia Today, Buanews dari Afrika Selatan, New Vision dari Uganda dan The Herald dari Zimbabwe.

BERNAMA telah menawarkan diri untuk menjadi tuan rumah Sekretariat SNNi sehingga rangkaian itu boleh beroperasi sendiri.

Omar, yang merupakan bekas Penasihat Sains kepada Perdana Menteri berkata organisasi yang mengambi bahagian akan menyumbang berita yang bersesuaian, rencana, gambar, imej video setiap hari melalui Internet ke laman web SNNi -- www.SNNi.org.

SNNi juga akan menawarkan kemudahan latihan kepada wartawan dan pegawai media di kalangan anggota yang menyertainya.

Omar berkata idea pertukaran berita di kalangan negara-negara membangun buat pertama kalinya dibangkitkan pada Dialog Antarabangsa Langkawi dalam tahun 2000 dan kemudiannya dibincangkan dengan lebih lanjut di Global 2000 SAID di Maputo, Mozambique tahun lepas.

Beliau juga berkata organisasi media dari negara-negara Afrika Selatan, Malaysia dan di mana sahaja yang menyumbang kepada konsep perkongsian pintar adalah layak untuk menjadi anggota SNNi. -- BERNAMA

MR SHY NHD OS